

Diana galas tanggungjawab berat pada Ahad ini

Buru pingat sulung

KUALA LUMPUR - Memiliki tubuh kecil dengan ketinggian 150 sentimeter, Diana Bong bagaimanapun memikul tugas besar dalam Sukan Asia Incheon apabila menjadi tumpuan utama kontinen negara untuk menghadiahkan pingat pertama Malaysia.

Atlet kelahiran Kuching, Sarawak itu menjadi sandaran untuk meraih pingat tanpa mengira warna apabila turun ke gelanggang wusyu dalam acara Nandao & Nanquan pada Ahad ini.

Diana tidak bersendirian menggalas cabaran negara pada hari pertama gelanggang wusyu dibuka kerana Malaysia juga akan membariskan Tai Cheau Xuen dalam acara Nandao & Nanquan, tetapi pengalaman beraksi dalam Sukan Asia buat kali ketiga meletakkan atlet berusia 29 tahun itu sebagai sandaran utama.

Pemilik tiga pingat emas Sukan SEA itu meraih gangsa dalam penampilan su-

lung di Temasya Doha 2006, tetapi melakukan kesilapan di Guangzhou, empat tahun lalu hingga terpaksa pulang tangan kosong.

"Saya sedar ramai yang tertumpu kepada saya kerana jika saya berjaya memenangi pingat, itu akan menjadi pingat pertama buat kontinen negara di Incheon.

"Tetapi pengalaman beraksi dalam dua Sukan Asia sebelum ini, selain sudah puas bertanding di pentas dunia sepatutnya membantu saya untuk mengawal te-

kanan. Saya mesti beraksi dengan hati tenang.

"Fokus utama saya adalah turun dengan tenang dan cuba untuk tidak melakukan kesilapan seperti yang berlaku empat tahun lalu, jika saya boleh buat begitu, tidak mustahil pingat boleh diraih. Tetapi emas...saya tidak tahu, semua orang tahu China sangat kuat dan mereka akan bertanding dalam acara ini."



"Apa pun, saya janji akan memberikan yang terbaik. Saya sudah melakukan persiapan paling rapi, mengorbankan banyak perkara dan ini adalah masanya untuk saya mengeluarkan semua yang ada," kata Diana.

Atlet lulusan Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu sudah memenangi semua pingat emas dalam kejohanan yang disertai kecuali Sukan Asia.

Diana yang merangkul kejuaraan dunia buat kali pertama di Kuala Lumpur pada November tahun lalu sedar, untuk memenangi emas di Incheon bermakna dia perlu memecah dominasi atlet dari China yang dilihat kebanyakan negara sebagai 'misi mustahil'.

Wusyu meletakkan sasaran satu emas di Incheon, namun peluang terbaik negara dijangka hadir menerusi Phoon EYin dalam Jianshu dan Qiangshu wanita.

Dalam Sukan Asia 2010 di Guangzhou, wusyu menghadiahkan sebutir emas menerusi Chai Fong Ying.



DIANA BONG